

Bahagian A : (WAJIB)

Soalan 1

1. Memaksimumkan keuntungan adalah tidak mencukupi untuk menggambarkan objektif sebenar firma kerana

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

- (a) memaksimumkan keuntungan tidak mengambil kira faktor risiko
 (b) memaksimumkan keuntungan mengabaikan pulangan alternatif projek
 (c) memaksimumkan keuntungan mengabaikan risiko lebih lanjut dalam
 memperkembangkan projek
 (d) a dan b

Peperiksaan Semester Kedua
 Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

2. Apakah penyebab perubahan yang tercapai oleh firma yang menghasilkan keuntungan?

ATW 261 - Prinsip Kewangan

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT BELAS (14)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan. Soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih **TIGA (3)** soalan daripada Bahagian B. Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditandakan dalam borang OMR dengan menggunakan pensel 2B.

KERTAS SOALAN BAGI BAHAGIAN A TIDAK BOLEH DIBAWA KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN. PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.

...2/-

Bahagian A : (WAJIB)

Soalan 1

1. Memaksimakan keuntungan adalah tidak mencukupi untuk menggambarkan objektif sebenar firma kerana:
 - (a) memaksimakan keuntungan tidak mengambil kira faktor risiko
 - (b) memaksimakan keuntungan tidak mengambil kira pulangan sesuatu projek
 - (c) memaksimakan pembayaran dividen adalah lebih jelas dalam menggambarkan objektif sesebuah firma
 - (d) a dan b

2. Apakah penyata kewangan yang akan digunakan bagi merekodkan sebarang perubahan yang terjadi pada baki tunai bagi sesebuah firma?
 - (a) penyata aliran tunai
 - (b) kunci kira-kira
 - (c) penyata pendapatan
 - (d) penyata untung dan rugi

3. Bagi sesebuah firma, nisbah hutang (debt ratio) digunakan untuk mengukur:
 - (a) keumpilan (*leverage*)
 - (b) keberuntungan
 - (c) kecairan
 - (d) kecekapan

4. Jika Firma XYZ meramalkan bahawa pulangan ekuiti bagi tahun hadapan ialah 10% dan merancang untuk membayar 40% daripada pendapatan bersih sebagai dividen, maka kadar pertumbuhan bertahan (*sustainable rate of growth*) ialah
 - (a) 10%
 - (b) 6%
 - (c) 5%
 - (d) 4%

5. Kamu baru sahaja diumumkan sebagai pemenang sijil simpanan premium oleh Bank Simpanan Nasional dan di beri 3 pilihan iaitu menerima RM100,000 sekarang, atau RM10,000 setahun dengan cara perpetuiti, dan pilihan terakhir ialah menerima RM50,000 sekarang dan RM150,000 pada akhir tahun yang ke sepuluh. Jika kadar diskaunnya ialah 12%, cara pembayaran yang manakah yang akan anda pilih?
 - (a) RM100,000 sekarang
 - (b) RM10,000 perpetuiti
 - (c) RM50,000 sekarang dan RM150,000 pada akhir tahun yang ke-10
 - (d) Tiada pilihan yang anda suka

6. Jika kamu menyimpan sebanyak RM700 di dalam akaun simpanan dengan kadar faedah nominal sebanyak 10% yang dikompaun setiap bulan, berapakah nilai pelaburan kamu untuk 21 bulan ?
- (a) RM827
 - (b) RM833
 - (c) RM836
 - (d) RM1,176
7. Natasha dan Nabilah merancang hendak membeli sebuah rumah. Bank Utama menawarkan mereka pelunasan pinjaman (*amortizing loan*) sebanyak RM95,000 dengan kadar faedah 12% setahun untuk selama 20 tahun. Berapakah bayaran balik bulanan bagi pinjaman perumahan tersebut?
- (a) RM1,046
 - (b) RM749
 - (c) RM8,722
 - (d) RM1,346
8. Model Penentuan Harga Asset Modal (*CAPM*) adalah satu kaedah:
- (a) Penggantian risiko-pulangan (*risk-return trade-off*) di mana risiko di ukur berdasarkan kemudahubahan (*volatility*) pasaran
 - (b) Penggantian risiko-pulangan (*risk-return trade-off*) dimana risiko di ukur dalam bentuk Beta
 - (c) mengukur risiko dengan variasi koefisien antara sekuriti dan kadar pulangan pasaran
 - (d) kesemuanya di atas
9. Saham Ranhil mempunyai beta sebanyak 1.2. Jika kadar bebas risiko ialah 7% dan premium risiko ialah 6.5%, berapakah kadar pulangan perlu untuk saham ini?
- (a) 14.8%
 - (b) 14.4%
 - (c) 12.4%
 - (d) 13.5 %
10. Jika harga pasaran untuk sesuatu bon meningkat:
- (a) kadar hasil hingga matang menurun
 - (b) kadar kupon meningkat
 - (c) kadar hasil matang meningkat
 - (d) tidak satupun di atas

11. Berapakah kadar pulangan perlu untuk bon yang akan matang 9 tahun lagi dengan kadar kupon 20% setahun dan mempunyai RM1,000 nilai muka. Harga pasaran semasanya ialah RM1,407 (Bulatkan kepada peratusan yang terdekat dan andaikan kupon dibayar tahunan)
- (a) 5%
 - (b) 14%
 - (c) 12%
 - (d) 11%
12. Seorang pelabur bercadang untuk melabur dalam saham biasa Syarikat Akmaljaya. Mengikut penganalisis kewangan, dividen Syarikat Akmaljaya pada akhir tahun dijangkakan sebanyak RM0.72 manakala harga pasaran saham ini pada akhir tahun diramalkan pada paras RM11. Jika kadar pulangan perlu bagi pelabur ini ialah 18%, berapakah nilai saham Syarikat Akmaljaya?
- (a) RM12.00
 - (b) RM9.93
 - (c) RM8.50
 - (d) RM9.00
13. Pemegang saham biasa mejangkakan pulangan yang lebih tinggi daripada pemegang bon kerana:
- (a) mereka tidak mempunyai hak yang sah untuk menerima dividen
 - (b) mereka terdedah kepada risiko yang tinggi
 - (c) jika berlaku kecairan , mereka hanya layak menerima wang tunai setelah semua hutang dijelaskan
 - (d) kesemuanya di atas
14. Antara yang berikut, projek pelaburan manakah yang harus dipilih?
- (a) Projek yang mempunyai kadar pulangan dalaman (*IRR*) melebihi Kos Modal Purata Berjawaran (*WACC*).
 - (b) Projek yang mempunyai tempoh bayarbalik terdiskaun yang melebihi kadar pulangan dalaman.
 - (c) Projek yang mempunyai kadar Model Penentuan Harga Asset Modal (*CAPM*) melebihi Kos Modal Purata Berwajaran.
 - (d) Projek yang mempunyai Nilai Kini Bersih (*NPV*) melebihi purata kos modal (*average cost of capital*) firma.
15. Kadar pulangan dalaman (*IRR*) ialah
- (a) kadar diskaun yang menghasilkan nilai kini bersih yang positif
 - (b) kadar diskaun yang menjadikan nilai kini aliran tunai masuk bersamaan dengan nilai kini aliran tunai keluar
 - (c) kadar diskaun yang menjadikan nilai kini bersih negatif dan indeks keberutungan lebih daripada satu
 - (d) kadar pulangan yang menghasilkan nilai kini bersih yang positif

16. Pengurus belajawan modal di Soutpark Corporation membuat penilaian terhadap projek yang bernilai RM200,000. Jangkahayatnya ialah 10 tahun dan menghasilkan aliran tunai selapas cukai sebanyak RM44,503 setiap tahun selama 10 tahun. Berapakah kadar pulangan dalaman (IRR) projek tersebut?
- (a) 8%
 - (b) 14%
 - (c) 18%
 - (d) -5%
17. Risiko yang manakah mempunyai kesan langsung terhadap keputusan pembiayaan sesebuah firma?
- (a) Risiko tidak bersistem (*unsystematic risk*)
 - (b) Risiko kewangan (*financial risk*)
 - (c) Risiko bersistem (*systematic risk*)
 - (d) Risiko syarikat (*Corporation risk*)
18. Digimon Corporation merancang untuk menjual 200,000 unit barangannya. Purata harga jualan seunit ialah RM16.00 dan kos berubahnya ialah RM11.00 seunit. Belanja bunga ialah RM50,000 setahun dan kos tetap adalah sebanyak RM800,000. Berapakah titik pulung modal (*breakeven point*) dalam nilai jualan?
- (a) RM3,200,000
 - (b) RM2,560,000
 - (c) RM800,000
 - (d) RM2,200,000
19. Faktor-faktor yang manakah harus dipertimbangkan apabila sesebuah syarikat membuat keputusan pembayaran dividen?
- (a) kecairan syarikat
 - (b) kos pembiayaan
 - (c) akses kepada pasaran modal
 - (d) kesemuanya di atas
20. Perlakuan yang manakah akan mengurangkan kecairan sesebuah syarikat?
- (a) pembelian bon
 - (b) penjualan bon dan penambahan inventori
 - (c) penjualan bon dan pengurangan akaun belum bayar
 - (d) tidak satupun di atas

[40 markah]

Bahagian B : (Jawab TIGA (3) soalan sahaja)

Soalan 2 (20 markah)

(a) Encik Roslan bercadang untuk bersara 10 tahun lagi, dan pada masa ini dia mempunyai wang sebanyak RM150,000 di dalam akaun simpanan dan RM250,000 dalam bentuk saham. Sebagai tambahan Encik Roslan bercadang untuk menyimpan RM8,000 setahun ke dalam akaun simpanannya selama 10 tahun akan datang dan menambahkannya sebanyak RM2,000 setiap tahun untuk 5 tahun yang terakhir (tahun yang ke-6 hingga ke-10).

(i) Andaikan pulangan untuk akaun simpanan Encik Roslan ialah 8% dan pelaburannya dalam bentuk saham akan memberi pulangan 12% , di mana kedua-duanya dikompaun setiap tahun. Berapakah jumlah simpanan Encik Roslan pada akhir tahun yang kesepuluh?

[6 markah]

(ii) Encik Roslan dijangkakan akan hidup selama 20 tahun selepas bersara, dan pada awal persaraannya dia menyimpan kesemua simpanannya yang didapati daripada pengiraan di bahagian (a) dengan kadar pulangan sebanyak 11%. Berapakah jumlah yang boleh Encik Roslan perolehi setiap tahun selepas persaraannya (20 pengeluaran dengan jumlah yang sama bermula pada tahun pertama selepas dia bersara) supaya baki wang simpanannya menjadi kosong pada akhir tahun yang ke-20?

[4 markah]

(b) Berikut adalah harga akhir bulan untuk Syarikat XYZ Berhad dan Aman Corporation.

(i) Dengan menggunakan data yang tertera dalam jadual di bawah, kirakan kadar pulangan tempoh pemegang (holding-period returns) untuk setiap bulan bagi Syarikat XYZ dan Aman Corporation.

[4 markah]

Harga saham biasa		
Bulan dan tahun	Aman Corporation	Syarikat XYZ
1999	(RM)	(RM)
Mac	645.50	38.94
April	654.17	38.31
Mei	669.12	39.38
Jun	670.63	42.38
Julai	639.95	39.25
Ogos	651.99	40.63
September	687.31	43.44
Oktober	705.27	46.06
November	757.02	46.31
Disember	740.74	46.13
2000		
Januari	786.16	43.38
Februari	790.82	51.75
Mac	757.12	49.81

(ii) Kirakan kadar purata pulangan bulanan (*average monthly return*) dan sisihan piawai (*standard deviation*) bagi pulangan Aman Corporation dan Syarikat XYZ

[2 markah]

(iii) Lakarkan graf yang menunjukkan perhubungan antara kadar pulangan bagi Syarikat XYZ dan Aman Corporation. (Tunjukkan kadar pulangan bagi Syarikat XYZ pada paksi menegak (*vertical*) dan pulangan bagi Aman Corporation pada paksi mendatar (*horizontal*)).

[2 markah]

(iv) Daripada lakaran kamu di bahagian (iii) jelaskan perhubungan antara kadar pulangan bagi Syarikat XYZ dan Aman Corporation.

[2 markah]

... 8/-

Soalan 3 (20 markah)

- (a) Jabatan Kerja Raya (JKR) mendapat tawaran untuk dua projek pembentungan iaitu di Shah Alam dan Lembah Kelang. Pengurus projek JKR, Encik Shamsul harus menilai projek yang menguntungkan kerana projek ini akan melibatkan kos yang tinggi dan memerlukan ramai tenaga kerja. Pelaburan asal untuk kedua-dua projek ini ialah RM110,000 dan kadar pulangan perlunya pula 12%. Pangaliran tunai bersih untuk kedua-dua projek adalah seperti berikut:

Projek Pembentungan			
	Shah Alam	Lembah Kelang	
Pelaburan asal	-RM110,000	-RM110,000	
Tahun			
	1	20,000	40,000
	2	30,000	40,000
	3	40,000	40,000
	4	50,000	40,000
	5	70,000	40,000

Untuk memilih projek yang memberi pulangan yang baik kepada JKR, Encik Shamsul haruslah menganalisisnya dengan menggunakan teknik-teknik belanjawan modal dan menjawab soalan-soalan berikut.

- (i) Mengapakah proses belanjawan modal sangat penting dalam menilai sesebuah projek? [3 markah]
- (ii) Kirakan Tempoh Bayar Balik dan Tempoh Bayar Balik Terdiskaun untuk setiap projek? Jika Pengurus kewangan di JKR menetapkan Tempoh Bayar Balik untuk kedua-dua projek ialah 3 tahun, projek manakah yang harus di terima? [3 markah]
- (iii) Apakah kekurangan yang ada pada kaedah Tempoh Bayar Balik berbanding dengan tempoh bayar balik terdiskaun? [3 markah]
- (iv) Kirakan Nilai Kini Bersih (*NPV*) untuk setiap projek, projek manakah yang harus diterima dan jelaskan sebabnya. [3 markah]
- (v) Kirakan indeks keberuntungan (*PI*) untuk setiap projek. Projek manakah yang harus diterima dan apakah kesan terhadap indeks keberuntungan jika kadar pulangan perlu dinaikkan? Jelaskan jawapan anda. [3 markah]

...9/-

- (b) Apakah kebaikan utama yang boleh didapati oleh syarikat dan pelabur dengan adanya bursa sekuriti tersusun (*Organized Security Exchange*)? [5 markah]

Soalan 4 (20 markah)

- (a) Syarikat-syarikat komputer di Bayan Lepas bercadang untuk menerbitkan bon pada akhir tahun 2000. Syarikat-syarikat yang terlibat ialah Dell, Intel dan Agilent di mana nilai mukanya ialah RM1,000. Sebagai seorang pelabur, Encik Alfred bercadang untuk membeli bon-bon tersebut pada bulan Januari 2001. Untuk mengetahui nilai bon-bon tersebut, Encik Alfred haruslah menganalisisnya dengan menjawab soalan di bawah:

- (i) Kirakan nilai bon-bon tersebut jika kadar pulangan perlu bagi Dell ialah 11%, Intel 7% dan Agilent 9%, dimana nilai kupon dan jangka tempoh bon-bon ini adalah seperti dalam jadual berikut:

	Dell	Intel	Agilent
Kadar faedah kupon	5.25%	9.375%	7.45%
Tempoh matang(tahun)	8	22	5

[3 markah]

- (ii) Pada akhir tahun 2000, bon-bon tersebut dijual dengan harga sebanyak: Dell RM630, Intel RM1,050 dan Agilent RM976. Kirakan kadar pulangan dijangka untuk setiap bon? [3 markah]

- (iii) Kirakan tempoh (*duration*) untuk setiap bon? [3 markah]

- (iv) Jelaskan jawapan anda tentang jawapan yang di dapati dari soalan (iii)? [3 markah]

- (v) Apakah perubahan yang akan berlaku terhadap nilai bon-bon tersebut jika kadar pulangan perlu meningkat sebanyak 3% ? atau menurun sebanyak 3%? Jelaskan jawapan anda. [3 markah]

- (b) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan Prinsip Gelagat Pentingkan Diri Sendiri dan Prinsip Kecekapan Pasaran Modal yang terdapat dalam perinsip-perinsip kewangan yang perlu diketahui? [5 markah]

Soalan 5 (20 markah)

- (a) Citibank bercadang untuk membuka beberapa buah cawangan di seluruh dunia. Struktur modalnya adalah seperti berikut:

Kos apungan (*floatation cost*) ialah (a) 15% daripada nilai pasaran untuk bon yang baru diterbitkan, (b) RM1.21 sesaham untuk saham biasa, dan (c) RM2.01 sesaham untuk saham terutama. Dividen tahun lepas untuk saham biasa ialah RM2.50 dan kadar pertumbuhan dividen tahunan dijangkakan sebanyak 6%. Citibank dikenakan cukai sebanyak 35%. Jadual berikut menunjukkan jenis pembiayaan yang akan digunakan oleh Citibank dan kadar pembiayaan yang akan digunakan:

Jenis pembiayaan	Kadar pembiayaan
Bon (nilai kupon 8%, nilai muka RM1,000, Tempoh matang 16 tahun)	38%
Saham terutama (5,000 saham <i>outstanding</i> , nilai Par RM50 dan dividen RM1.50)	15%
Saham biasa	47%
Jumlah	100%

Harga pasaran ialah RM1,035 untuk bon, RM19 untuk saham terutama dan RM35 untuk saham biasa.

- (i) Kirakan kos hutang (untuk bon), kos saham terutama dan kos saham biasa jika menggunakan sumber dalaman (*retained earning*) keseluruhannya atau menerbitkan saham biasa yang baru. [9 markah]
- (ii) Kirakan Kos Modal Purata Berwajaran (WACC) jika Citibank menggunakan 100% sumber dalaman untuk saham biasa. [3 markah]
- (iii) Kirakan Kos Modal Purata Berwajaran (WACC) jika Citibank menggunakan 100% terbitan saham biasa. [3 markah]
- (b) Jelaskan makna kos modal dan sumber-sumber manakah yang akan digunakan dalam pembiayaan kos modal. [5 markah]

